

Nilai2 murni akan bawa kejayaan: PM

KUALA TERENGGANU, Isnin — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata usaha untuk mencapai kejayaan di Malaysia adalah terletak di tangan umat Islam dan rakyat yang berpegang teguh kepada prinsip-prinsip kesejahteraan, kemakmuran dan hidup berharmoni.

"Usaha-usaha kerajaan adalah untuk menjamin amalan nilai-nilai murni di kalangan umat Islam dan amalan nilai-nilai sejagat yang baik di kalangan bukan Islam supaya wujud satu bangsa dan umat manusia yang bertamadun tinggi," tegas beliau.

Jelas beliau, usaha-usaha itu bukan sahaja memberi manfaat kepada masyarakat Islam, juga kepada masyarakat bukan Islam.

"Dengan itu, masyarakat bukan Islam tidak seharusnya menaruh

prasangka terhadap usaha-usaha itu," kata beliau dalam buku cenderamata sempena Ijtimak Ulama di sini.

Perdana Menteri meminta umat Islam supaya benar-benar mengikut dan mengamalkan nilai-nilai Islam kerana ia adalah perkara wajib dan menjadi contoh kepada seluruh anggota masyarakat di negara ini.

Ijtimak Ulama kali ini bertemakan *Penyatuan Ulama dan Pemimpin Ke Arah Kesejahteraan Ummah*.

Seramai 52 orang ulama menghadiri ijtimak itu, anjuran Yayasan Islam Malaysia dan Jabatan Hal-Ehwal Agama Islam Negeri Terengganu. Setiap negeri diwakili oleh tiga ulama.

Peserta adalah dari dua orang guru pondok atau guru agama yang terkenal dan seorang dari Jabatan Hal-Ehwal Agama Negeri.